

08 APR 2001

Mahathir-Prestasi

DR MAHATHIR BERPUAS HATI DENGAN PRESTASI RMK7

LANGKAWI, 8 April (Bernama) -- Kerajaan berpuas hati dengan prestasi Rancangan Malaysia Ke-Tujuh (RMK7) kerana mencapai kebanyakan matlamat yang ditetapkan, kata Datuk Seri Mahathir Mohamad.

"Prestasinya berjalan dengan baik melainkan semasa gawat, ia menyebabkan matlamat membasmi kemiskinan tergendala," katanya kepada pemberita selepas meninjau projek pembinaan Pusat Membina dan Membaikpulih Kapal Layar di Tanjung Lembang di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata Rancangan Malaysia Ke-Lapan (RMK8), yang bermula tahun ini dan berakhir 2005, memberi harapan baik untuk menyumbang kepada pencapaian tinggi Wawasan 2020.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM3 bilion bagi menghadapi kesan kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat kerana kerajaan percaya ia sedikit sebanyak memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Selain itu, beliau menyarankan rakyat menguasai teknologi maklumat (IT) kerana ia berperanan besar termasuk dalam menjadikan pengeluaran negara lebih efisien.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga menukar pendekatan dengan membuat pelaburan baru untuk infrastruktur dan pelbagai projek pembangunan termasuk mendirikan lebih banyak sekolah.

Menurutnya kerajaan tidak mahu terlalu bergantung kepada swasta sebaliknya melaksanakan pendekatan baru itu yang dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

"Apabila kegawatan ekonomi menyerang, ekonomi kita yang rosak memerlukan pendekatan baru dan tidak bergantung kepada pihak swasta selepas mereka dilemahkan," katanya.

Perdana Menteri berkata semasa kegawatan, kerajaan menghadapi masalah kerana perlu memberi tumpuan kepada mengawal matawang selain menangani masalah besar lain yang turut melemahkan banyak syarikat-syarikat besar dan baru.

"Kita akan cuba pulihkan syarikat ini dan cuba sekali lagi membangunkan syarikat baru supaya matlamat dasar pembangunan nasional akan tercapai," katanya sambil menjelaskan usaha itu akan diteruskan dalam RMK8.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus membantu syarikat itu walaupun pihak tertentu terutama orang asing sebenarnya mahu syarikat lemah yang menghadapi masalah dibiarkan muflis setelah tidak efisien.

"Mereka sebelum ini efisien dan membuat keuntungan tetapi kalau diserang seperti itu, bukan syarikat di Malaysia sahaja menghadapi masalah tetapi mana-mana syarikat gergasi terbesar dalam dunia pun akan lemah sekiranya nilai wang negara mereka diturunkan 50 peratus dan pasaran saham mereka jatuh," kata beliau.

Dr Mahathir berkata keadaan itu bukan salah syarikat berkenaan kerana kegawatan itu sengaja dibuat oleh pihak yang mahu mengaut keuntungan.

Sementara itu, Dr Mahathir meminta orang ramai supaya tidak mepedulikan tindakan terbaru pimpinan PAS Terengganu yang mendakwa pemberian wang ihsan daripada kerajaan pusat bagi menggantikan royalti minyak sebagai haram.

"Buat apa ambil kisah sangat mengenai perkara itu kerana saya sendiripun dikata kafir, ikut Kamal Attartuk dan macam-macam," katanya ketika diminta mengulas laporan akhbar mengenai perkara itu.

Laporan itu memetik Timbalan Ketua Perhubungan Umno Terengganu Datuk

Idris Jusoh sebagai berkata bahawa rakyat Terengganu dikelirukan dengan ucapan beberapa pemimpin tertinggi PAS negeri itu termasuk anggota Exco kerajaan dalam ceramah mereka berhubung wang ihsan itu.

Dr Mahathir berkata PAS mudah mengeluarkan perkataan kafir, haram atau apa sahaja sekiranya mereka tidak bersetuju dengan sesuatu perkara.

Sambil menyatakan kekesalannya bahawa perkara itu dilakukan oleh orang Islam sendiri, beliau berkata tindakan terbaru itu menunjukkan PAS tidak membawa faedah kepada orang ramai selain daripada suka melempar fitnah kepada orang lain.

-- BERNAMA

NH NAK